

PM mungkin bincang isu Palestin ketika melawat tiga negara Islam

PUTRAJAYA, Selasa - Isu Palestin dijangka turut dibangkitkan dalam perbincangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan pemimpin Maghribi, Libya dan Bahrain sempena lawatan rasminya ke tiga negara Islam itu mulai Isnin depan.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Perdana Menteri kemungkinan besar menyentuh isu politik semasa itu apabila bertemu pemimpin tiga negara terbabit dalam lawatan bertujuan mengukuhkan hubungan dua hala itu.

"Dalam pertemuan itu, sudah pasti isu-isu semasa akan dibincangkan" katanya selepas menerima kunjungan wakil khas kepada Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi iaitu Dr Tatsuo Arima di pejabatnya di sini, hari ini.

Maghribi dan Libya adalah negara yang berdekatan dengan Palestin. Negara Arab lain termasuk negara Teluk baru-baru ini sebulat suara meluluskan perjanjian Pelan Saudi yang dirumuskan Putera Mahkota Abdullah bin Abdul Aziz dari Arab Saudi bagi mengakhiri konflik Abrahamsrael itu.

Malaysia sebelum ini turut mencadangkan penghantaran pasukan pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi melindungi rakyat Palestin. Malah, Menteri Luar dan pegawai dari 15

negara Islam yang mengahdiri mesyuarat sehari Jawatankuasa Al Quds di Maghribi baru-baru ini meluluskan resolusi meminta Majlis Keselamatan PBB mempercepatkan penghantaran pasukan pengaman antarabangsa ke Palestin.

Raja Maghribi, Raja Mohammed Keenam yang menjadi tuan rumah mesyuarat itu, akan turut menerima kunjungan Dr Mahathir dalam lawatan itu nanti.

Kedua-duanya mempunyai pandangan yang sama berkisar kepada masalah Palestin dan mahukan masyarakat antarabangsa supaya segera campur tangan bagi mendesak Israel mematuhi undang-undang antarabangsa dan menyelamatkan seluruh rantau itu.

Syed Hamid berkata, tujuan lawatan Dr Mahathir ke Maghribi, Libya dan Bahrain bermula 15 hingga 21 April ini adalah bagi mempertingkatkan hubungan dua hala dan kerjasama ekonomi.

"Lawatan Perdana Menteri itu adalah sebagai lawatan balas selain atas jemputan rakan sejawatannya dari negara terbabit," katanya.

Di Bahrain, Dr Mahathir akan melakukan upacara pecah tanah projek pusat perdagangan dan pengedaran antarabangsa Malaysia di situ. Projek bagi memperluaskan lagi pasaran produk

negara ini di Asia Barat terutama di utara rantau itu, dijangka siap pada 2004.

Pusat itu adalah yang kedua seumpamanya di Timur Tengah selepas Dubai di Emiriyah Arab bersatu (UAE). Pusat dua tingkat itu

yang mempunyai ruang pameran lebih luas daripada pusat di Dubai menjadi saluran bagi pasaran di Qatar; Kuwait; Yaman; Lubnan; Utara Iran dan timur Arab Saudi selain Bahrain.

Mengenai lawatan Dr Ma-

hathir ke Amerika Syarikat bulan depan, beliau berkata Perdana Menteri turut mempunyai program lain selain mengadakan pertemuan dengan Presiden George W Bush.

Bagaimanapun katanya, nya itu.

program sampingan itu belum dimuktamadkan lagi.

Di Langkawi Ahad lalu, Dr Mahathir berkata beliau akan turut membangkitkan isu Palestin apabila bertemu Bush dalam lawatan-